



KENYATAAN MEDIA

52 PELATIH SUKSIS UniMAP TERIMA SIJIL TAMAT LATIHAN INSPEKTOR, PENGARAH UKK DILANTIK PEGAWAI AJUTAN SUKSIS

Tanjung Malim, 12 Ogos – Seramai 52 orang pelatih SUKSIS UniMAP daripada 1,234 pelatih seluruh Universiti Awam (UA) berjaya menghadiri Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Inspektor Kor SUKSIS, di sini hari ini.

Sijil berkenaan disampaikan oleh YDH Tan Sri Dato' Seri Ketua Polis Negara di majlis itu yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Lebih manis tiga pelatih SUKSIS UniMAP turut menerima anugerah di majlis sama iaitu Pelatih Terbaik Keseluruhan diraih Insp/KS Tan Yow Sheng dan Pelatih Terbaik Latihan Akademik diraih Insp/KS Nur Amirah Abu Hassan manakala Insp/KS Ikmal Hakim Ab Kadir menerima anugerah Pelatih Terbaik Latihan Luar.

Kor SUKSIS UniMAP bagi sesi kali ini adalah pelatih dari skuad 2015 dan berjaya mengharungi pelbagai latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selama tiga tahun sebelum layak menerima Sijil Pelantikan sebagai Inspektor Kor SUKSIS.

Hadir sama menyaksikan peristiwa bersejarah ini Naib Canselor UniMAP YDH ACP/KS Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal , yang juga Komandan Kor SUKSIS UniMAP.

Terdahulu, Pengarah Unit Komunikasi Korporat (UKK) UniMAP Mustaffa Ismail menerima pelantikan Pegawai Ajutan Kor SUKSIS UniMAP dengan memakai pangkat Deputi Superintendant Polis/AKS.

Beliau menerima pelantikan berkenaan di Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kehormat Kor SUKSIS disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselemanan Komuniti PDRM , YDH CP Dato' Sri Tajudin Md Isa yang diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada 3 Ogos, baru-baru ini.

Disediakan oleh,
Aininulniza Mohd Yusof

**Pegawai Perhubungan Media
Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Universiti Malaysia Perlis**